A

ER SOON HUA

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI MALAYSIA & ORS

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
AZAHAR MOHAMED H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-63-2006]
27 FEBRUARI 2007

C

TAHANAN PENCEGAHAN: *Tahanan - Permohonan untuk habeas corpus - Sama ada perintah tahanan tidak sah - Sama ada terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran keperluan prosidur di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam & Mencegah Jenayah) 1969 -*

D

Sama ada perintah tahanan menunjukkan penahanan dibuat dengan kuasa undang-undang sah

Ini adalah satu notis usul (lampiran 3) yang difailkan di bawah s. 365 Kanun Prosedur Jenayah oleh pemohon untuk satu perintah bahawa tahanan terhadap pemohon oleh Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor (responden kedua) adalah tidak sah dan terbatal. Pemohon memohon agar satu writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadapnya dan juga memohon satu perintah supaya dia dibebaskan serta merta daripada tahanan tersebut. Fakta menunjukkan bahawa pada 6 Januari 2006 Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (responden pertama) telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap pemohon supaya pemohon ditahan selama dua tahun mulai daripada 12 Januari 2006 di Pusat Pemulihan Akhlak tersebut sebagaimana yang diarah dari masa ke semasa. Perintah yang dikeluarkan oleh responden pertama dibuat di bawah kuasa yang terkandung dalam s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 (Ordinan 1969). Pemohon tidak berpuas hati dengan perintah tahanan tersebut dan telah mencabarnya dengan memfailkan notis usul ini. Pemohon telah membangkitkan tiga alasan bagi menyokong hujahannya bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan itu adalah tidak sah dan writ *habeas corpus* hendaklah dikeluarkan oleh mahkamah iaitu: (1) terdapatnya ketidakpatuhan atau pelanggaran keperluan prosidur memandangkan prasyarat kepada perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 tidak dipenuhi kerana pengataan fakta yang atasnya perintah tahanan itu diasaskan tidak ditandatangani oleh Timbalan Menteri itu sendiri tetapi sebaliknya ditandatangani oleh Penolong Setiausaha

E

F

G

H

I

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri; (2) perintah tahanan tersebut perlu berkuatkuasa pada tarikh perintah dikeluarkan dan di sini tiada penjelasan tentang kelewatan mengapa perintah tahanan berkuasa pada tarikh yang berlainan; (3) tahanan oleh pihak polis bertarikh 14 November 2005 dan pada 12 Januari 2006 ke atas pemohon adalah tidak sah dan oleh kerana itu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 juga menjadi tidak sah.

Diputuskan (menolak notis usul di lampiran 3):

(1) Pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan menunjukkan dengan jelas bahawa Penolong Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri itu menandatangani pengataan-pengataan tersebut atas arahan Timbalan Menteri. Dengan hal yang demikian, isu yang dibangkitkan oleh peguam itu tidak menunjukkan terdapatnya ketidakpatuhan atau pelanggaran kehendak prosidur yang diperuntukkan dalam s. 4(1) Ordinan 1969 tersebut. (perenggan 11 & 12)

(2) Perintah tahanan tersebut telah dikeluarkan pada 6 Januari 2006, manakala tempoh tahanan pula berkuatkuasa pada 12 Januari 2006. Kelewatan enam hari itu adalah disebabkan mengambilkira proses pihak polis melengkapkan penyiasatan dan proses pegawai-pegawai yang berkenaan menganalisa kes fail siasatan polis untuk pertimbangan. Hujah yang dikemukakan oleh peguam pemohon tentang alasan ini tidak menunjukkan terdapatnya ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosidur di bawah Ordinan 1969. (perenggan 13 & 14)

(3) Apa-apa luar aturan dalam tangkapan pertama dan penahanan oleh polis dalam kes ini tidak relevan bagi tujuan menentukan kesahan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri pada 6 Januari 2006. Apa-apa luar aturan, jika pun wujud, tidak menjadikan perintah tahanan tersebut tidak sah atau tidak berkuatkuasa. Pemohon tidak berhak untuk mencabar satu ketidaksahan yang terdahulu yang kini tidak lagi wujud dan tidak boleh menjadi satu perkara untuk disiasat (*Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors*). (perenggan 15)

A **(4)** Pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak dan keperluan prosidur di bawah Ordinan 1969. Perintah tahanan yang dikemukakan di mahkamah menunjukkan bahawa penahanan pemohon telah dibuat dengan menggunakan kuasa
B undang-undang yang sah. Penahanan pemohon pada masa ini di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor adalah sah dan mengikut undang-undang. (perenggan 19)

Kes-kes yang dirujuk:

C *Andrew Thamboosamy v. Superintendent of Pudu Prison, Kuala Lumpur [1976] 2 MLJ 156* ***(dirujuk)***

Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [1969] 2 MLJ 129 ***(dirujuk)***

Krishnamoorthi Kathurayan v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia [2005] 4 MLJ 71 ***(dirujuk)***

D *Lee Kew Sang v. Timb. Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 Yang Lain [2005] 3 CLJ 914 FC* ***(dirujuk)***

Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 4 CLJ 613 FC ***(diikuti)***

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia dan 3 Yang Lain v. Arasa Kumaran [2006] 4 CLJ 847 FC ***(dirujuk)***
E

Yeap Hock Seng v. Minister of Home Affairs Malaysia [1975] 2 MLJ 279 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 365

F Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 3(1), (2)(b), (3), 5(4), 6(1)

Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, ss. 3(3), 4(1)

Federal Constitution, art. 5(1), (2)

G *Bagi pihak pemohon - Shari Nor (AB Ng bersamanya); T/n AB Ng & Assoc*
Bagi pihak responden - YM Tengku Amir Zaki Tengku Hj Abdul Rahman; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

H

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed H:

I **[1]** Ini adalah satu notis usul di lampiran 3 yang difailkan di bawah s. 365 Kanun Prosedur Jenayah oleh Er Soon Hua (pemohon) untuk satu perintah bahawa tahanan terhadap pemohon oleh Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang

Renggam, Johor (responden ke 2) adalan tidak sah dan terbatal. Seksyen 365 tersebut menyatakan, antara lain, bahawa Mahkamah Tinggi, apabila difikirkan patut, bolehlah mengarahkan supaya mana-mana orang yang dikatakan ditahan dengan menyalahi undang-undang hendaklah dibebaskan. Pemohon memohon agar satu writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadapnya dan juga memohon satu perintah supaya dia dibebaskan serta merta daripada tahanan tersebut.

[2] Satu writ *habeas corpus* dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi bagi menjamin pembebasan mana-mana orang yang ditahan secara tak sah sejajar dengan kebebasan asasi yang dilindungi oleh perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan, antara lain, bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Sebagaimana yang diperuntukan oleh perkara 5(2), jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi, sepertimana yang dilakukan oleh pemohon dalam kes di hadapan saya ini bahawa dia sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah ini hendaklah menyiasat pengaduan itu dan melainkan jika mahkamah ini berpuashati bahawa tahanan itu adalah sah hendaklah memerintahkan supaya pemohon dibebaskan.

[3] Sebagai pembuka kata, saya ingin menyatakan prinsip-prinsip undang-undang yang menjadi pedoman mahkamah ini dalam menimbangkan pengaduan pemohon.

[4] Pertama sekali, mana-mana perintah tahanan pencegahan yang dikeluarkan oleh pihak eksekutif tanpa perbicaraan semestinya mengakibatkan perlucutan atau pembatasan terhadap kebebasan individu dan dengan demikian merupakan pelanggaran serius hak asasi individu tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab mahkamah, jika perlu dan jika keadaan mewajarkannya, untuk mengeluarkan writ *habeas corpus* dan apa-apa perintah yang berkaitan, seandainya ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa seorang individu ditahan secara tak sah yang mengakibatkan pelanggaran serius hak asasi individu tersebut. Dalam kes *Yeap Hock Seng v. Minister of Home Affairs Malaysia* [1975] 2 MLJ 279, Hakim Abdoolcader (pada ketika itu) telah menegaskan prinsip ini. Dari segi ini, dengan hormatnya, saya akan mengulangi kata-kata hakim yang arif itu saperti yang berikut pada halaman 281:

A The court must never, in my view, lose sight of the fact that a detention order made under section 4(1) of the Ordinance results in the deprivation of freedom without trial and constitutes a serious transgression upon the fundamental right of liberty of the person.

B *Habeas corpus* is a high prerogative writ of summary character for the enforcement of this cherished civil right of personal liberty and entitles the subject of detention to ajudicial determination that the administrative order adduced as warrant for the detention is legally valid, in the sense that it is persuant to valid statutory C authority, and to test whether the detenton proceedings are, in the words of Frankfurter J in *Estep v. United States* 'a mere sham, nothing but an empty form'.

[5] Kedua, mahkamah hanya mempunyai bidangkuasa untuk meneliti ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak D prosidur di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam & Mencegah Jenayah) 1969 (Ordinan 1969). Autoriti mengenai prinsip undang-undang ini digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v. Timb. Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 Yang Lain* [2005] 3 CLJ 914, di mana Abdul Hamid E Mohamad HMP pada halaman 930-931 dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa:

In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in F a *habeas corpus* application where the detention order of the Minister made under section 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the courts should to is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the G courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down to procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then H that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.

[6] Ketiga, undang-undang yang menyekat kebebasan seseorang adalah tertakluk kepada pentafsiran yang ketat. Dalam mentafsirkan I peruntukan status berhubung dengan kuasa-kuasa tahanan pencegahan tanpa bicara, peruntukan-peruntukan tersebut hendaklah ditafsirkan secara ketat (strict) supaya kehendak

peruntukan itu dipatuhi. Dalam kes *Andrew s/o Thamboosamy v. Superintendent of Pudu Prison, Kuala Lumpur* [1976] 2 MLJ 156 pada halaman 158, Suffian KH telah memberi pandangannya yang jelas berhubung perkara ini seperti yang berikut:

> With respect, we agree that any form of detention does violence to s. 5(1) of the Constitution which reads:
>
> > 5(1) No person shall be deprived of his ... personal liberty save in accordance with law.
>
> and hence power given by law to detain must be construed strictly and in cases of doubt or ambiguity the court should lean in favour of the subject. Government is the most powerful body in the country and the court should be vigilant to see that Government does not exceed its power when dealing with individuals. But at the same time we are of the opinion that the problem of dealing with illegal immigrants is a matter of public policy to be decided by Parliament and by the Executive, that in this matter the proper authority for enacting the necessary legislation is Parliament and that if the Government exercises a power conferred on it by Parliament and keeps within the law, then the duty of the court is quite clear; the court should simply apply the law, no matter how harsh its effect may be on the immigrant. His remedy is then not judicial, but political and administrative.

[7] Keempat, beban untuk membuktikan kesahan perintah penahanan yang mana pemohon diperintahkan untuk di tahan untuk tempoh dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam terletak atas Timbalan Menteri yang berkenaan pada peringkat permulaan dan beban ini boleh dilepaskan dengan mengemukakan di mahkamah perintah tahanan yang berkenaan. Hakim Suffian HMP (pada ketika itu) dalam kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [1969] 2 MLJ 129 berkata pada halaman 152:

> In my judgment, the onus of proving the legality of the detention is on the Minister in the first instance. This he can discharge simply by producing the order of detention which, if its authenticity and good faith are not impugned, is a sufficient answer. If the detainee alleges *mala fides*, as he does here, then the onus shifts to him and it is for him to prove *mala fides*. For this proposition there are two House of Lords decision.

In *Greene v. Secretary of State for Home Affairs* [1942] AC 284 the House of Lords considered an application for a writ of *habeas corpus* by the appellant detained by the Home Secretary under reg 18B(1) of the Defence (General) Regulations 1939. Lord MacMillan at page 297 said:

> ... the production of the Secretary of State's order, the authenticity and good faith of which is in no way impugned, constitutes a complete and peremptory answer to the appellant's application. It justifies in law his detention in the absence of any relevant challenge of its validity, and there is no such challenge.

Then there is *Liversidge v. Sir John Anderson* [1942] AC 206 where Viscount Maugham quoted with approval at page 216 the judgment of the Court of Appeal delivered by MacKinnon LJ:

> ... if the plaintiff admits, or it is proved, that the plaintiff was detained by an order purporting or expressed to be issued under the (Defence (General) Regulations, 1939, reg 18B) and duly signed as such, the burden is on the plaintiff, if he is to claim damages for false imprisonment (or if he applies for *habeas corpus*), to give evidence showing that the order was invalid. As the case proceeds at the hearing, as often happens, the onus of proof may be shifted. If the plaintiff adduces evidence which goes to show the invalidity of the order, that might happen (that is, the onus of proof is shifted to the defendants). If, upon that happening, the defendants produced evidence which was embarrassing to the plaintiff, by way of surprise or novelty, the judge would no doubt protect him by way of adjournment. Conceivably in a proper case, the judge might at that stage make some order by way of particulars of the allegations of the defendants.

[8] Kini, berbalik kepada kes di hadapan saya. Fakta yang tidak dipertikaikan menunjukkan bahawa pada 6 Januari 2006 Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (responden pertama) telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap pemohon supaya pemohon di tahan selama dua tahun mulai daripada 12 Januari 2006 di Pusat Pemulihan Akhlak tersebut atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari masa ke semasa. Perintah yang dikeluarkan oleh responden pertama dibuat di bawah kuasa yang terkandung dalam s. 4(1) Ordinan 1969. Bagi memudahkan rujukan, perintah tahanan tersebut diperturunkan seperti di bawah ini.

OD (KAMJ) 1B

ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969

PERINTAH TAHANAN [Seksyen 4(1)]

Kepada:

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor;

Ketua Polis Negara, Malaysia;

Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA saya, berpuashati yang Perintah Tahanan adalah perlu dibuat ke atas orang yang namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan;

(a)

(b) menghapuskan kekerasan*

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan*

Nama	**Nombor Kad Pengenalan**
ER SOON HUA	701010-04-5141

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya yang tersebut di atas ditahan selama dua (2) tahun mulai dari 12 haribulan Januari 2006 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada 06 haribulan Januari 2006

t.t
(DATO' NOH BIN HJ OMAR)
TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN
DALAM NEGERI MALAYSIA

[KAMJ 15395]

* Potong yang tidak berkenaan

[9] Manakala alasan-alasan serta pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah tahanan dibuat adalah seperti yang berikut:

Lampiran E

ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 5/69

Nama Orang Tahanan : ER SOON HUA

No. Kad Pengenalan : 701010-04-5141

Alasan-alasan Yang Atasnya Perintah Itu Dibuat:

Kamu adalah ahli kumpulan samun yang telah melibatkan diri dalam kegiatan jenayah berunsur kekerasan.

Pengataan-pengataan Fakta Yang Atasnya Perintah Itu Diasaskan:

Bahawa kamu adalah seorang ahli kumpulan samun bersenjatakan parang yang terlibat dalam kegiatan jenayah kekerasan dan bergerak aktif di sekitar negeri Perak. Antara kegiatan jenayah yang melibatkan kamu ialah:

1. Bahawa kamu pada 24/7/2005, jam lebih kurang 11.00 pagi, bertempat di sebuah kedai yang beralamat di No. 61 dan 61A, Persiaran Seri Raja, Taman Seri Raja, Kampung Kepayang, Perak, kamu bersama rakan-rakan sejenayah, yang berpura-pura ingin menyewa kedai tersebut, telah mengacukan dua (2) bilah parang kepada mangsa seorang lelaki cina serta mengikat tangan, kaki, mata dan mulut mangsa dengan menggunakan pembalut tape besar. Kemudian kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah menyamun dompet, seutas rantai leher emas, sepasang cermin mata hitam, kad ATM Maybank bersama nombor pin. Kerugian adalah dianggarkan berjumlah RM6,500.00 dan hasil samun telah dibahagian sama rata.

2. Bahawa kamu pada 31/7/2005, jam lebih kurang 2.00 pagi, bertempat di dalam bilik No. 213, Hotel New Caspian, Jalan Jubilee, Ipoh, Perak, kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah mengacukan dua (2) bilah parang ke leher mangsa seorang perempuan warganegara China yang bekerja sebagai pelacur. Mangsa telah terbaring di atas tilam dan muka mangsa telah diikat dengan menggunakan pembalut tape besar. Kemudian kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah merampas anak kunci kepada sebuah kondominium yang disewa oleh mangsa dan dengan menggunakan anak kunci

tersebut, kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah menggeledah kondominium tersebut yang terletak di Regency Terrace, Jalan Raja Dihilir, Ipoh, Perak. Kerugian adalah berupa wang tunai berjumlah RM20,000 serta sebuah telefon bimbit dan hasil samun telah dibahagikan sama rata.

3. Bahawa kamu pada 1/8/2005, jam lebih kurang 2.00 petang, bertempat di sebuah kedai yang beralamat di No. 14, Taman Bunga Matahari, Ayer Tawar, Setiawan, Perak, kamu bersama rakan-rakan sejenayah, telah mengacukan dua (2) bilah parang ke leher mangsa seorang lelaki Cina serta mengikat tangan, kaki, mata dan mulut mangsa dengan menggunakan pembalut tape besar. Kemudian kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah menyamun wang tunai berjumlah lebih kurang RM2,000.00, sebuah telefon bimbit jenis Nokia dan beberapa dokumen penting milik mangsa. Kerugian adalah dianggarkan berjumlah RM3,500.00 dan hasil samun telah dibahagikan sama rata.

4. Bahawa kamu pada 3/8/2005, jam lebih kurang 10.00 pagi, bertempat di sebuah rumah kedai yang beralamat di No. 76F, Jalan Tupai, Taiping, Perak, kamu bersama rakan-rakan sejenayah, telah mengacukan dua (2) bilah parang kepada mangsa seorang lelaki Cina serta mengikat tangan, kaki, mata dan mulut mangsa dengan meggunakan pembalut tape besar. Kemudian kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah menyamun wang tunai berjumlah lebih kurang RM500.00 dua (2) utas rantai leher emas putih dan sebuah telefon bimbit jenis Samsung. Kerugian adalah dianggarkan berjumlah RM3,000.00 dan hasil samun telah dibahagikan sama rata.

5. Bahawa kamu pada 12/8/2005, jam lebih kurang 2.00 petang, bertempat di kedai yang beralamat di No. 17 dan 17A, laluan Klebang Restu 3, Medan Klebang Restu, Chemor, Perak, kamu bersama rakan-rakan sejenayah, telah mengacukan dua (2) bilah parang kepada mangsa seorang lelaki Cina serta mengikat tangan, kaki, mata dan mulut mangsa dengan menggunakan pembalut tape besar. Kemudian kamu bersama rakan-rakan sejenayah telah menyamun wang tunai berjumlah lebih kurang RM1,200.00, seutas jam tangan jenis Cartier berharga lebih kurang RM12,000.00, kad kredit dari pelbagai bank dan sebuah telefon bimbit jenis Nokia berharga lebih kurang RM600.00. Kerugian adalah dianggarkan berjumlah RM14,8000.00 dan hasil samun telah dibahagikan sama rata.

A

Dengan Arahan
Timbalan Menteri Keselamatan
Dalam Negeri

Tarikh: 6 September 2006

B

t.t
(Nazree bin Mohamad)
Penolong Setiausaha Kementerian
Keselamatan Dalam Negeri

(KAMJ 15968)

C

[10] Pemohon tidak puas hati dengan perintah tahanan tersebut dan telah mencabarnya dengan memfailkan notis usul ini pada 18 Oktober 2006. Pada masa pendengaran notis usul tersebut pada 23 Januari 2007 peguam yang mewakili pemohon telah
D membangkitkan tiga alasan bagi menyokong hujahannya bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan itu adalah tidak sah dan writ *habeas corpus* hendaklah dikeluarkan oleh mahkamah ini.

[11] Tentang alasan pertama, peguam telah berhujah bahawa
E terdapatnya ketidakpatuhan atau pelanggaran keperluan prosidur memandangkan prasyarat kepada perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 tidak dipenuhi kerana pengataan fakta yang atasnya perintah tahanan itu diasaskan tidak ditandatangani oleh Timbalan Menteri itu sendiri tetapi sebaliknya ditandatangani oleh
F Penolong Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Menurut peguam lagi, ini jelas membuktikan bahawa perintah tahanan tersebut dikeluarkan secara mekanikal dan tidak berdasarkan kepada "personal satisfaction of Minister" seperti yang dikehendaki oleh s. 4(1) Ordinan 1969 sebagai prasyarat sebelum
G perintah tahanan itu dikeluarkan. Dengan hormatnya saya tidak fikir terdapat apa-apa merit tentang hujah peguam itu kerana pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan sebagaimana yang telah saya perturunkan di atas menunjukkan dengan jelas bahawa Penolong Setiausaha Kementerian Keselamatan
H Dalam Negeri itu menandatangani pengataan-pengataan tersebut atas arahan Timbalan Menteri. Ingin juga saya tegaskan di sini bahawa pengataan-pengataan fakta itu adalah merupakan ekh. E4 yang dirujuk dalam afidavit pemohon sendiri bagi menyokong notis usulnya. Untuk memahami tentang prosidur penyediaan pengataan-
I pengataan tersebut, maka wajarlah saya merujuk kepada afidavit Penolong Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di lampiran 10 di mana antara lain, beliau telah menyatakan seperti yang berikut:

4. Pada 6/1/2006, DATO' NOH BIN HJ. OMAR, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang merupakan responden pertama bersabit permohonan ini telah mengarahkan saya menyediakan Perintah Tahanan terhadap pemohon sepertimana terkandung dalam kes fail berkaitan pemohon. Dari keputusan dan perintah responden pertama, saya telah menyediakan Perintah Tahanan terhadap pemohon sebanyak 5 salinan sepertimana keputusan dan perintah responden pertama.

5. Setelah Perintah Tahanan terhadap pemohon telah siap disediakan, saya telah mengemukakan Perintah Tahanan terhadap pemohon kepada responden pertama sebagaimana yang diarahkan oleh responden pertama supaya Perintah Tahanan tersebut berkuatkuasa mulai 12/1/2006. Setelah diteliti oleh responden pertama, beliau telah menurunkan tandatangan dan mengisi haribulan pada tarikh Perintah Tahanan tersebut dibuat. Saya tidak dapat menzahirkan kes fail kerana berpendapat dengan berbuat demikian, ia adalah bertentangan dengan kepentingan Negara menurut s. 11 Ordinan tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan.

6. Merujuk kepada perenggan iii dan iv dalam Notis Usul dan perenggan 13 dalam affidavit pemohon, saya menafikan segala penyataan-penyataan didalamnya dan menegaskan serta mengulangi pengataan-pengataan yang saya terkandung di dalam perenggan 4 dan 5 di atas dan sesungguhnya percaya bahawa alasan-alasan Perintah Tahanan dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan adalah sah dan termasuk dalam lingkungan perkara dan shop s. 4(1) Ordinan tersebut. Saya juga menegaskan bahawa pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan adalah dibuat oleh saya setelah mendapat arahan yang sewajarnya dari Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Noh bin Hj. Omar serta alasan-alasan dan tuduhan-tuduhan fakta yang dikeluarkan ke atas pemohon adalah sah dan mempunyai asas yang kukuh berdasarkan kepada kuasa perundangan yang sah. Saya juga sesungguhnya percaya bahawa alasan-alasan Perintah Tahanan dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya Perintah itu diasaskan adalah sah dan sempurna tanpa ada sebarang kecacatan.

[12] Dengan hal yang demikian, isu yang dibangkitkan oleh peguam itu tidak menunjukan terdapatnya ketidakpatuhan atau pelanggaran kehendak prosidur yang diperuntukan dalam s. 4(1) Ordianan 1969 tersebut.

[13] Yang berikut adalah tentang alasan kedua yang dikemukakan oleh peguam pemohon bahawa perintah tahanan tersebut perlu berkuatkuasa pada tarikh perintah dikeluarkan. Peguam berhujah bahawa tiada penjelasan tentang kelewatan mengapa perintah tahanan berkuasa pada tarikh yang berlainan. Dalam kes ini, perintah tahanan tersebut telah dikeluarkan pada 6 Januari 2006, manakala tempoh tahanan pula berkuatkuasa pada 12 Januari 2006. Sebagai menjawab hujah yang dinyatakan itu, Peguam Kanan Persekutuan telah menegaskan bahawa hujah tersebut tidak berasas kerana penjelasan sudah pun diberi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Beliau membawa keperhatian saya kepada afidavit Timbalan Menteri di lampiran 11 di mana, antara lain, beliau telah menyatakan seperti yang berikut:

> 7. Seterusnya, saya telah memutuskan supaya pemohon ditahan di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut mulai 12/1/2006 bagi tempoh 2 tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor. Saya sesungguhnya dengan suci hati ingin menjelaskan bahawa perbezaan tarikh Perintah Tahanan yang ditandatangani oleh saya dengan tarikh perlaksanaan bermulanya Perintah Tahanan tersebut selama 6 hari adalah kerana pada masa yang material tersebut, saya dinasihati bahawa tidak ada keperluan undang-undang agar tarikh Perintah Tahanan hendaklah seiringan dengan bermulanya tahanan dan tarikh Perintah Tahanan dan bermulanya tahanan hendaklah sebelum tamat tempoh 60 hari penahanan pemohon untuk siasatan di bawah s. 3(3) Ordinan tersebut. Saya sesungguhnya percaya atas persepsi saya dengan kedudukan undang-undang pada masa yang material itu, saya telah menandatangani Perintah Tahanan pada 6/1/2006 dengan pengetahuan bahawa tempoh tahanan siasatan polis di bawah s. 3(3) Ordinan tersebut terhadap pemohon berakhir 6/1/2006, maka bermula tempoh tahanan Perintah Tahanan saya adalah pada 12/1/2006. Saya sesunguhnya menyatakan bahawa kelengahan 6 hari di antara tandatangan Perintah Tahanan dengan bermulanya tahanan telah disempurnakan pada kadar secepat segera yang munasabah "at convenient speed" tanpa kelengahan dengan mengambil kira proses pihak polis melengkapkan penyiasatan dan proses pegawai-pegawai saya menganalisa kes fail siasatan polis untuk pertimbangan saya. Saya tidak dapat menzahirkan kes fail berkenaan aktiviti permohon kerana berpendapat dengan berbuat demikian bertentangan dengan kepentingan Negara menurut s. 11 Ordinan tersebut dan perkara 15(3) Perlembagaan Persekutuan.

[14] Apabila dibaca apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, saya mendapati bahawa beliau telah menjelaskan kelewatan 6 hari itu adalah disebabkan mengambil kira proses pihak polis melengkapkan penyiasatan dan proses pegawai-pegawai yang berkenaan menganalisa kes fail siasatan polis untuk pertimbangan beliau. Oleh sebab itu, pada hemat saya, penjelasan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri itu adalah munasabah dan tidak ada sebab bagi saya menolaknya. Saya juga mendapati hujah yang dikemukakan oleh peguam pemohon tentang alasan kedua ini tidak menunjukkan terdapatnya ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosidur dibawah Ordinan 1969. Dengan hal yang demikian, saya tidak menemukan apa-apa merit dalam hujah peguam terhadap isu kedua yang dinyatakan di atas itu.

[15] Bagi alasan ketiga dan terakhir pula, peguam pemohon telah berhujah bahawa tahanan oleh pihak polis bertarikh 14 November 2005 dan pada 12 Januari 2006 keatas pemohon adalah tidak sah dan oleh kerana itu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 juga menjadi tidak sah. Dengan hormatnya, saya berpendapat bahawa hujah itu tidak selaras dengan prinsip undang-undang yang sudah mantap. Pada hemat saya isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon itu tidak mempunyai sebarang merit kerana ianya tidak lagi relevan untuk dipertimbangkan. Apa-apa luar aturan dalam tangkapan pertama dan penahanan oleh polis dalam kes ini tidak relevan bagi tujuaan menentukan kesahan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri pada 6 Januari 2006 itu. Apa-apa luar aturan, jika pun wujud, tidak menjadikan perintah tahanan tersebut tidak sah atau tidak berkuatkuasa. Dalam ertikata lain, pemohon tidak berhak untuk mencabar satu ketidaksahaan vane terdahulu yang kini tidak lagi wujud dan tidak boleh menjadi satu perkara untuk disiasat. Prinsip undang-undang yang saya nyatakan sebentar tadi telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd Faizal b. Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 4 CLJ 613. Dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris*, perayu telah ditangkap pada 13 April 2004 untuk tujuan siasatan di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 1985). Perayu telah ditahan di dalam lokap untuk siasatan lanjut dan pada 15 April 2004 seorang pegawai polis telah memberikan kebenaran bertulis untuk tempoh tahanan perayu dilanjutkan di bawah s. 3(2)(b) Akta 1985. Pada

A 11 Jun 2004 Menteri yang berkenaan telah mengeluarkan perintah penahanan di bawah s. 6(1) Akta 1985 selepas mengkaji laporan siasatan pegawai polis yang telah diberikan kepadanya di bawah s. 3(3) dan laporan pegawai siasatan sepertimana yang diperlukan oleh s. 5(4). Perayu telah memfailkan satu writ *habeas corpus* B pada 13 September 2004 dengan mengatakan bahawa tindakan luar aturan dalam hal penangkapan dan penahanannya di bawah s. 3(2) telah menjadikan tidak sah perintah penahanan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah s. 6(1) Akta 1985. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* itu telah memutuskan C bahawa pada amnya satu writ *habeas corpus* mesti diarahkan terhadap perintah penahanan semasa walaupun di mana penangkapan yang terdahulu itu tidak sah. Mahkamah Persekutuan juga menyatakan, di mana satu perintah penahanan telah dibuat di bawah s. 6(1) writ *habeas corpus* mesti diarahkan hanya terhadap D perintah tersebut walaupun di mana penangkapan dan penahanan yang terdahulu itu adalah di luar aturan. Oleh itu, menurut Mahkamah Persekutuan lagi, apa juga tindakan luar aturan dalam sesuatu perintah penahanan yang dibuat di bawah s. 3(2), apabila ianya telah diatasi oleh satu yang dibuat di bawah s. 6(1), ianya E bukanlah lagi satu perkara yang relevan untuk dipertimbangkan. Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa satu ketidaksahan yang terdahulu yang telah kini tidak lagi wujud tidak boleh menjadi satu perkara untuk disiasat. Inilah apa yang ditegaskan oleh Augustine Paul HMP sewaktu menyampaikan penghakiman F Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* itu pada halaman 628:

> Thus any irregularity in a detention order made under s. 3(2) when it has been superseded by one under s. 6(1) is not a relevant matter for consideration. In this regard *The Law of Habeas* G *Corpus*, 2nd edn. by RJ Sharpe says at p 179:
>
> > It has been held consistently that the relevant time at which the detention of the prisoner must be justified is the tie at which the court considers the return to the writ. This rule means that nothing which has happened before the present H cause of detention took effect will be relevant to the issue before the court, unless by reason fo somespecial consideration arising from the particular proceedings.

I

And at p 186:

> On the present state of law, in almost every instance, the relevant time at which the detention is to be justified is the time at which the court considers the case. Prior illegality will not be relevant unless by reason of some special rule derived from the particular nature of the proceedings involved.

> Therefore a prior illegality which has ceased cannot be the subject matter of inquiry. That would also be the conclusion in the case of the detention order made under s. 8(1) of the Internal Security Act 1960 and s. 4(1) of the Energency (Public Order and Prevention of Crime) Ordiance 1969 subsequent to an arrest and detention made unde both the statues.

[16] *Ratio decidendi* di dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* itu telah diperjelaskan oleh Mahkamah Persekutuan kemudiannya dalam kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia dan 3 Yang Lain v. Arasa Kumaran* [2006] 4 CLJ 847. Dalam kes *Arasa Kumaran* responden telah ditangkap di bawah Ordinan 1969 pada 8 September 2004. Pada 5 November 2004 satu perintah tahanan dibuat terhadap responden di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 oleh menteri yang berkenaan untuk tempoh dua tahun. Responden tidak puashati dengan perintah tahanan itu dan memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadapnya. Hakim Mahkamah Tinggi yang arif telah membenarkan permohonan responden dan selanjutnya mengeluarkan writ *habeas corpus* yang dipohon itu. Hakim yang arif di dalam membuat perintah tersebut memutuskan bahawa pihak polis tidak mematuhi kehendak s. 3(3) Ordinan 1969 dan dengan itu membatalkan perintah yang dibuat oleh menteri yang berkenaan. Hakim yang arif memutuskan bahawa beliau tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* dan membezakannya atas alasan bahawa perintah tahanan dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* dibuat di bawah Akta 1985 sebaliknya perintah tahanan di dalam kes di hadapan beliau dibuat di bawah Ordinan 1969. Salah satu isu penting yang harus diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arasa Kumaran* adalah samada yang arif hakim Mahkamah Tinggi telah tersalah arah dirinya dengan memutuskan bahawa beliau tidak terikat dengan keputusan dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris*. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arasa Kumaran* memutuskan bahawa yang arif hakim Mahkamah Tinggi terikat dengan penghakiman dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* itu. Mengikut

Mahkamah Persekutuan, *ratio decidendi* di dalam kes *Mohd. Faizal b. Haris* juga beraplikasi kepada perintah tahanan yang dibuat di bawah Ordinan 1969. Menurut Mahkamah Persekutuan lagi, fakta material kes *Arasa Kumaran* adalah sama dengan kes *Mohd. Faizal b. Haris*, di mana di dalam kes tersebut juga terdapat penangkapan sebelum diikuti dengan perintah tahanan oleh menteri yang berkenaan. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arasa Kumaran* telah memberi penegasan bahawa writ *habeas corpus* mesti diarahkan terhadap perintah tahanan semasa dan sebarang salah aturan dalam penangkapan dan tahanan sebelumnya tidak relevan dan tidak boleh menjadi perkara siasatan. Augustine Paul HMP sewaktu menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arasa Kumaran* pada halaman 854 berkata seperti yang berikut:

> Mohd. Faizal b. Haris has made it clear that *habeas corpus* only call for justification of the detention at the point of time when the court considers the case. Any prior illegality will be irrelevant.

[17] Hakim yang arif itu juga telah menambah kata pada ms 859 seperti yang berikut:

> The material facts in *Mohd. Faizal b. Haris* were that the making of the detention order against the detanu was preceded by his arrest which had some defects. The question that arose for determination was whether the defects in the arrest of the detanu vitiated the subsequent detention order made against him. It was held that a writ of *habeas corpus* must be directed against the current detention order when it has been made subsequent to a prior arrest and detention. Thus any illegality in the prior arrest and detention cannot be the subject matter of inquire.

[18] Saya sendiri dalam kes *Krishnamoorthi a/l Kathurayan v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia* [2005] 4 MLJ 71 telah berkesempatan memberi pandangan saya mengenai isu samada kecacatan dalam tangkapan sebelum perintah tahanan dibuat boleh dengan sendirinya membatalkan perintah tahanan yang berkenaan.

[19] Pada kesimpulannya, pada hemat saya, pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak dan keperluan prosidur di bawah Ordinan 1969. Perintah tahanan yang dikemukakan di mahkamah menunjukkan bahawa penahanan pemohon telah dibuat dengan

menggunakan kuasa undang-undang yang sah. Berdasarkan segala keterangan yang ada di hadapan saya, saya berpendapat bahawa penahanan pemohon pada masa ini di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor adalah sah dan mengikut undang-undang. Dengan yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas, notis usul di lampiran 3 ini ditolak.

A

B

C

D

E

F

G

H

I